

22/05/1999

Rombakan Kabinet tiada sebarang muslihat

KOTA TINGGI, Jumaat - Rombakan terbaru Kabinet diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam adalah yang terakhir sebelum pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri juga tidak berhasrat membuat sebarang perubahan dalam kepemimpinan di peringkat negeri sehingga rakyat negara ini menjalankan tanggungjawab memilih secara demokrasi dalam pilihan raya.

Beliau menjelaskan, rombakan Kabinet semalam juga tidak mempunyai sebarang muslihat dan ia dilakukan kerana dalam tempoh masa tertentu, perubahan perlu dilakukan.

"Tidak ada apa muslihat ... kita terbuka dan apabila perlu ada pertukaran, kita buat," katanya pada sidang akhbar selepas majlis pemimpin bersama rakyat di Felde Pengeli Timur di sini, petang ini.

Dalam rombakan Kabinet semalam, Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat serta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik tidak disenaraikan berikutan meletakkan jawatan masing-masing.

Ditanya mengenai kenyataan Sabbaruddin bercanggah dengan pengumuman yang dibuat Perdana Menteri berhubung peletakan jawatan itu, Dr Mahathir berkata: "Dia letak jawatan, suratnya ada pada saya."

Beliau juga menolak tanggapan bahawa rombakan itu disebabkan oleh ketidakceapan, sebaliknya dilakukan kerana perubahan perlu dilakukan.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, pengumuman kenaikan gaji 190,000 guru bukan siswazah mulai Julai ini sudah lama dirancang dan hanya dilaksanakan sekarang.

Sehubungan itu, beliau menolak andaian pembangkang bahawa pelarasan gaji kumpulan guru terbabit adalah gimik politik menjelang pilihan raya umum akan datang.

(END)